

# 'Muhyiddin cuba takutkan pengundi'

**Kuala Lumpur:** Dakwaan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin kononnya Kerajaan Perpaduan mahu menambah jumlah kerusi Parlimen daripada 222 kepada 300, disifatkan sebagai usaha menakutkan pengundi di Parlimen Pulau.

Menteri Komunikasi dan Digital yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, menegaskan tidak pernah mendengar angka berkenaan kerana ia tidak dibincangkan pada mesyuarat jemaah Kabinet.

Beliau percaya dakwaan itu adalah cubaan Presiden BERSATU untuk menakutkan pengundi di Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram.

"Saya sebagai anggota jemaah menteri, ini kali pertama saya

dengar angka ini. Saya tak pasti dia dapat maklumat daripada mana.

"Kalau seorang ahli jemaah menteri pun belum terima apa-apa maklumat perkara ini, bagi saya ia hanya satu angan-angan daripada pihak beliau untuk cuba menakutkan orang sebab ia disebut dalam konteks PRK Pulau," katanya selepas Program Kita MADANI Aspiras Malaysia 2023 peringkat Kuala Lumpur dan Putrajaya, di sini, semalam.

Beliau mengulas ucapan Muhyiddin di Ceramah Perdana PN di Kempas, Johor Bahru, kelmarin, yang mendakwa Kerajaan Perpaduan mahu meminda Perlembagaan Persekutuan dengan menambah kawasan pilihan raya daripada 222 kepada 300 kerusi jika memiliki majoriti dua pertiga di Parlimen.

Fahmi berkata, Muhyiddin tidak sewajarnya membuat dakwaan seumpamanya di pentas ceramah politik, sebaliknya Ahli Parlimen Pagoh itu sepatutnya membangkitkan sebarang persoalan secara terus kepada Perdana Menteri di Parlimen.

"Muhyiddin perlu bangkitkan perkara ini di Parlimen, datang tanya soalan kepada Perdana Menteri dan dengar jawapan yang tuntas dan jelas, boleh debat di Parlimen.

"Jadi saya peringatkan kepada Muhyiddin supaya jangan ponteng Parlimen. Sila tanya soalan ketika Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT). Jangan malas, nanti culas," katanya.

Sementara itu, di Kampar, Pengerusi DAP, Lim Guan Eng berkata, persempadanan semula ka-

wasan pilihan raya di negara ini hanya boleh dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Susulan itu, beliau menyelar Muhyiddin yang mendakwa Kerajaan Perpaduan akan meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan persempadanan semula kawasan pilihan raya jika Pakatan Harapan (PH) memenangi kerusi Parlimen Pulau pada 9 September ini.

"Penambahan kawasan pilihan raya hanya SPR yang tentukan. Dia (Muhyiddin) sebagai bekas Perdana Menteri tak kan tak tahu perkara ini.

"Kadang-kadang saya meragui sama ada dia layak jadi Perdana Menteri kerana perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan pun dia tak faham. Tak hairanlah ketika dia mentadbir, wujud 'hashtag kerajaan gagal.

"Saya tak terima sebarang

Penambahan kawasan pilihan raya hanya SPR yang tentukan. Dia (Muhyiddin) sebagai bekas Perdana Menteri tak kan tak tahu perkara ini



*Lim Guan Eng,  
Pengerusi DAP*

maklumat langsung berkenaan cadangan persempadanan semula ini," katanya selepas merasmikan Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Kampar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Keranji di sini, semalam.